

Headline	Inovasi USM ternak kelulut, bantu komuniti		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	27	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	527 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,911
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,732



Inovasi USM ternak kelulut, bantu komuniti

GEORGE TOWN: Universiti Sains Malaysia (USM) setakat ini melatih 3,000 orang warga luar bandar sebagai penternak lebah kelulut di seluruh negara untuk memastikan madu yang dihasilkan benar-benar berkualiti.

Sebahagian besarnya terdiri daripada suri rumah dan golongan

B40 yang diharap dapat meningkatkan pendapatan isi rumah.

Di samping itu, masyarakat Orang Asli turut dilatih untuk menternak kelulut secara lestari kerana kepentingan kelulut sebagai agen pendebungaan pokok di hutan.

"Setakat ini seramai 25 Orang Asli Kg Semelior,

Pulau Banding, Perak dilatih sebagai penternak kelulut.

"Langkah ini diambil supaya kesedaran pemuliharaan spesies kelulut hutan dimulakan dari sekarang bagi mengelakkan ia pupus seperti pokok gaharu hutan dan menjejaskan pendapatan orang asli," demikian menurut Dr Mohd Zulkifli Mustafa, Pensyarah Kanan Jabatan Neurosains Pusat Pengajian Sains Perubatan USM.

Dr Mohd Zulkifli pada asasnya adalah penyelidik sains otak dan mencari bahan untuk meningkatkan memori kanak-kanak serta menjadi pencegahan bagi penyakit otak seperti strok, parkinson, dementia dan alzheimer.

Beliau yang menerajui usaha itu berkata industri madu tradisional tersekat untuk pengkomersilan berikutan sumber yang terhad di hutan selain pemburuan madu secara berterusan yang mengancam kelestarian lebah.

"Malah, pengendalian di hutan menyebab-

kan sukar bagi prosedur pengendalian standard dijalankan bagi menyeragamkan kaedah pengeluaran yang akhirnya madu tempatan sama ada tualang atau kelulut sekadar dijual secara tradisional di tepi jalan dan di atas jalan raya di pasar malam.

"Untuk itu pada 2012, saya mula merencanakan projek 'Reinventing Honey Quality' bagi mewujudkan rantaian madu kelulut yang premium. Hasilnya beberapa inovasi melibatkan sistem rumah kelulut lestari iaitu MUSTAFAHive, buku modul asas penternakan kelulut dan HILDA-System iaitu satu sistem untuk pengendalian dan pengeringan madu," katanya kepada Bernama baru-baru ini. Menurut beliau projek transformasi penternakan kelulut itu

bukanlah semata-mata usaha beliau. Ia turut melibatkan kerjasama beberapa

PENSYARAH Kanan Jabatan Neurosains Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Mohd Zulkifli Mustafa menunjukkan kaedah penternakan lebah kelulut bersestematik dalam usaha memastikan madu yang dihasilkan benar-benar berkualiti di ladang kelulut USM ketika ditemui baru-baru ini. •Foto BERNAMA



PENUNTUT Universiti Sains Malaysia (USM) melakukan proses penyedutan madu dari sarang lebah kelulut di ladang kelulut USM ketika ditemui baru-baru ini. •Foto BERNAMA

agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Pertanian, Felcra, Felda, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan institusi pengajian tinggi seperti Univer-

siti Malaysia Pahang dan Politeknik.

Beliau turut menjelaskan "model quadruple-helix" yang mana USM menyediakan kepakaran penternakan kelulut, agensi kerajaan menyediakan sarang dan rakan industri membantu dalam pemasaran. -BERNAMA